

## Kepentingan Pendapatan Halal Dalam Konsep Pemakanan *Halalan Tayyiban*: Kajian Kepada Penerima Anugerah Keluarga Mithali (AKM) Peringkat Kebangsaan

*The Importance of Lawful Income within the Concept of Halalan Tayyiban Dietary: A Study of the National Recipients of Exemplary Family Awards (AKM)*

Khairudin Shaary, Mohammad Amir Wan Harun\*

Babagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang, Malaysia

\*Corresponding author: [amirwan@usm.my](mailto:amirwan@usm.my)

### Article history

Received: 2020-01-29 Received in revised form: 2020-04-19 Accepted: 2020-04-21 Published online: 2020-10-30

### Abstract

Lawful income is one of important element in Islam to uphold the Concept of *Halalan Tayyiban* Dietary (KPHT). An income that is sourced from unlawful or ambiguous (*syubhab*) trade or occupation, directly affects the source of foods obtained therefrom. Therefore, this study purports to observe the importance of lawful income in upholding the concept of *halalan tayyiban* dietary based on the practices of AKM recipients. This study adapted qualitative methodology as well as utilizing direct interview technique by *Focus Group Discussion* (FGD) to collect data. The analysis of interview data was duly processed by employing the assistance of *Non-numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing* (NUD.IST) software, or also known as QSR NVivo version 10. Respondents from this research are recipients of national Exemplary Family Awards (AKM) organized by Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). The result of the study demonstrated that lawful income has a very significant importance in KPHT. Meanwhile, three main themes could be produced to form a model known as the Concept of *Halalan Tayyiban* Dietary of Exemplary Family (KPHTKM). Within this model, a total of four subthemes were successfully developed to describe the connotation of lawful income of the AKM recipients, and following that, can be correlated to its importance within KPHT. The results of the study is seen to be contributing towards the development of a guideline for earning lawful income of Muslim families. Subsequent studies are suggested, focusing on other aspects in KPHTKM that are still untouched by this study.

*Keywords:* Importance, income, *halalan tayyiban*, exemplary family.

### Abstrak

Pendapatan yang halal merupakan satu elemen penting dalam rentetan hukum bagi menepati Konsep Pemakanan *Halalan Tayyiban* (KPHT). Pendapatan hasil daripada pekerjaan yang haram atau *syubhab*, memberikan kesan langsung kepada sumber makanan yang diperolehi. Oleh itu, kajian ini ingin meneliti kepentingan pendapatan yang halal dalam memenuhi konsep pemakanan *halalan tayyiban* berdasarkan amalan penerima AKM. Kajian ini mengadaptasi metod kualitatif serta menggunakan kaedah temu bual secara *Focus Group Discussion* (FGD) untuk mengumpulkan data. Analisis data-data temu bual diproses dengan bantuan perisian *Non numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing* (NUD.IST) atau dikenali dengan QSR NVivo versi 10. Responden kajian merupakan pemenang Anugerah Keluarga Mithali (AKM) peringkat kebangsaan anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Hasil kajian menunjukkan bahawa pendapatan yang halal mempunyai kepentingan yang sangat signifikan dalam KPHT. Dalam pada itu, tiga tema utama dapat dihasilkan untuk membentuk model Konsep Pemakanan *Halalan Tayyiban* Keluarga Mithali (KPHTKM). Dalam model ini, sejumlah empat sub tema berjaya dibangunkan bagi menjelaskan berkenaan konotasi pendapatan halal penerima AKM, seterusnya dapat dihubungkan kepentingan dalam KPHT. Hasil kajian ini dilihat dapat menyumbang kepada pembinaan garis panduan pendapatan halal keluarga muslim. Kajian-kajian rentetan wajar dibuat dengan memfokuskan kepada aspek-aspek lain dalam KPHTKM yang belum disentuh dalam kajian ini.

*Kata kunci:* Kepentingan, pendapatan, *halalan tayyiban*, keluarga mithali.

## 1.0 PENGENALAN

Dalam proses membina keluarga yang cemerlang aspek duniawi dan ukhrawi, sudah pasti terdapat kaedah dan falsafahnya yang tersendiri. Indikator daripada beberapa ayat al-Quran menunjukkan bahawa Islam mementingkan aspek pemakanan yang berkonsepkan *halalan tayyiban* dalam proses pembangunan dan perkembangan seseorang muslim (Alias Azhar et. al, 2013:17 dan Aemy Liza, 2014: 33-37). Dalam hal ini, perspektif Islam mendahulukan persoalan sumber pendapatan terlebih dahulu sebelum beralih kepada perbincangan berkaitan makanan, kerana aspek pendapatan memberikan kesan langsung kepada Konsep Pemakanan *Halalan Tayyiban* (KPHT) (Mohamed Sharif dan Roslee, 2002: 64).

Jaminan pendapatan yang halal merupakan asas penting kepada kelestarian kehidupan sebagai seorang muslim. Justeru, syariat Islam mewajibkan seseorang muslim supaya bekerja dalam mengusahakan punca kewangan secara halal (al-Qaradawi, 1998: 208). Laporan ‘Kajian Indeks kesejahteraan Keluarga Malaysia’ (2011: 3 dan 15) yang dikeluarkan oleh Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyebutkan bahawa, situasi ekonomi dalam domain pekerjaan dan pendapatan keluarga yang kukuh amat penting dalam mempengaruhi kesejahteraan keluarga. Hal ini kerana, kemiskinan keluarga bukan hanya mempengaruhi kesusahan dalam masa jangka pendek tetapi juga memberi kesan langsung kepada keadaan keluarga untuk suatu jangka yang panjang. Contohnya, kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran keluarga miskin lebih berkemungkinan akan mengalami masalah dalam perkembangan dan kesihatan mereka (Duncan dan Brooks- Gunn, 1997: 71-72). Malahan, kanak-kanak tersebut lebih cenderung untuk terjerumus ke dalam pelbagai masalah sosial (Belfield dan Levin, 2007: 143).

Dalam pada itu, Tabung Kecemasan Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Children's Fund* (UNICEF) dengan kerjasama firma penyelidikan tempatan, DM Analytics telah melaksanakan kaji selidik mengenai ‘Kemiskinan dan Penafian Hak Kanak-Kanak Bandar Di Rumah Pangsa Di Kuala Lumpur’. Hasilnya menunjukkan masalah kesihatan seperti pertumbuhan terbantut, obesiti, kekurangan berat badan, dan ketinggalan dalam pendidikan amat bergantung kepada jaminan pendapatan sesebuah keluarga. Akhirnya, hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa 97% isi rumah menyatakan harga barang makanan yang tinggi telah menghalang mereka untuk menyediakan hidangan sihat kepada anak-anak. Dalam hal yang sama, aspek kekurangan zat makanan adalah satu lagi bentuk penafian hak kepada kanak-kanak dalam keluarga miskin bandar (UNICEF Malaysia, 2018: 37 dan 49). Daripada laporan-laporan tersebut ternyata jaminan pendapatan halal dan ekonomi yang mampan dalam sesebuah keluarga amatlah penting dalam memelihara kesejahteraan keluarga dalam pelbagai aspek, terutamanya dalam ehwal menyediakan makanan berkhasiat dan berkualiti untuk seisi keluarga (Alan Berg dan Sayogyo, 1986: 63-64).

Daripada perspektif Islam, usaha memperoleh pendapatan halal merupakan satu wasilah untuk memiliki harta dan wang yang halal. Oleh itu, hukum bekerja untuk memperoleh rezeki halal dalam memastikan kehalalan dalam pemakanan merupakan satu kewajipan berdasarkan panduan dari kaedah fiqh yang menyatakan (al-Ghazali, 1998: 3):

الْأَمْرُ بِالشَّيْءِ يَشْمَلُ مَا يُتَمُّ بِهِ ذَلِكَ الشَّيْءِ

*Maksudnya: Suruhan dengan sesuatu perkara (hukumnya) akan mencakupi setiap apa yang dapat menyempurnakan perkara tersebut.*

Justeru, Islam memerintahkan agar umatnya keluar bekerja dan mengusahakan pekerjaan halal sebagai sumber pendapatan. Nabi SAW bersabda dalam sebuah hadis:

مَا كَسَبَ الرَّجُلُ كَسَبًا أَطْيَبَ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ وَمَا أَنْفَقَ الرَّجُلُ عَلَى نَفْسِهِ وَأَهْلِهِ وَوَلَدِهِ وَخَادِمِهِ فَهُوَ صَدَقَةٌ

*Maksudnya: Tidak pernah seseorang itu berusaha dengan sesuatu pekerjaan yang lebih baik daripada berusaha dengan tangannya sendiri. Apa-apa yang dibelanjakan oleh seseorang itu untuk dirinya, isterinya, anaknya, dan hambanya, maka itu adalah sedekah. (Riwayat Ibnu Majah, 2014: 2137, Jilid 2, dalam kitab al-tijarat, subbab al-hassu 'ala al-kasbi)*

Memetik kata-kata mantan timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri, Asyraf Wajdi Dusuki berkata, “Masyarakat Islam lebih sensitif soal makanan halal tetapi tidak begitu mengambil berat sumber pendapatan yang halal. Keprihatinan tentang label halal dan makanan halal sangat diutamakan. Tetapi kebimbangan sama tidak diletakkan pada punca datangnya duit untuk membeli makanan halal. Wang yang mereka dapat untuk membeli makanan, sama ada ia datang dari hasil riba, penyelewengan, rasuah, mereka tidak peduli. Inilah realiti dalam masyarakat kita hari ini” (Zurairi, 2017). Sementara itu, fatwa Mufti Wilayah Persekutuan ketika menjawab pertanyaan berkaitan hasil pendapatan memberikan perkhidmatan membaiki sistem komputer di sebuah bar menyatakan, “seseorang yang bekerja di tempat yang syubhab dan haram tentunya terlepas daripada mendapat keberkatan Allah SWT. Manakala, pendapatan tanpa unsur haram dan syubhab dapat menjamin rezeki yang dimanfaatkan ahli keluarga beroleh berkat dan mendatangkan kebaikan” (Zulkifli al-Bakri, 2016).

Daripada perbincangan di atas, ternyata bahawa sumber pendapatan yang halal amat penting dalam aspek pemakanan yang bertemakan *halalan tayyiban* kerana mempunyai perkaitan dan saling memberi kesan.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Wilayah ibadah dalam pandangan Islam amat luas yang mana mencakupi dua perkara. Pertama adalah menyempurnakan hak Allah SAW berupa ibadah dalam konteks syariat dan tasawuf umpama solat, puasa, berzikir, bertasbih, bersyukur dan sebagainya. Kedua, meliputi ibadah horizontal yang mana mencakupi bidang membela kemakmuran manusia atas dasar-dasar Islam yang kompleks berupa pertanian, perindustrian, pembangunan ilmu asas tani. Dengan kata mudahnya adalah, komitmen serius dalam bidang pekerjaan dan usaha untuk mendapatkan mata pencarian (Ahmad Muhammad Assaf, 1993: 542).

### 2.1 Konsep Pendapatan Dalam Islam

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru, (1989: 251), perkataan pendapatan boleh difahami dengan maksud, jumlah wang yang diperoleh dalam jangka waktu tertentu sebagai hasil daripada mata pencarian, pekerjaan yang dilakukan, atau sebagainya. Ia juga membawa maksud gaji yang diperoleh kerana bayaran tertentu. Dalam hal yang sama, al-Ghazali (1992: 87-89) dalam *Ihya 'Ulumuddin* menjelaskan, kaedah mendapatkan harta atau wang yang dihukumkan halal terdiri daripada dua kategori. Pertamanya dengan usaha si pemilik dan keduanya bukan daripada usaha si

pemilik. Dengan perkataan lain, pendapatan boleh diklasifikasikan dengan pendapatan aktif atau pasif. Contoh pendapatan pasif adalah seperti hak pemilikan kerana pusaka. Manakala, pendapatan aktif contohnya seperti mendapat wang hasil perkhidmatan yang diberikan seperti sewaan kenderaan atau rumah. Dari sudut aplikasinya, pendapatan aktif boleh diperolehi sama ada mendapatkannya secara sukarela atau paksaan. Contoh secara paksaan seperti harta rampasan perang atau merampas dengan adanya hak seperti pihak berkuasa yang mendapatkan harta yang wajib dizakatkan dan perbelanjaan yang wajib dilunaskan seperti nafkah isteri dan anak-anak oleh mahkamah. Manakala, mendapatkan harta atau wang secara sukarela pula adalah seperti melalui proses muamalat atau timbal balik (*iwad*) seperti jual beli emas, mahar perkahwinan, dan mengambil upah. Dalam hal yang sama, hal ini juga boleh berlaku tanpa proses *iwad* seperti hibah dan wasiat.

Sementara itu, tuntutan ke arah bekerja boleh diklasifikasikan kepada empat jenis. Pertama, fardu apabila berusaha untuk menafkahkan diri serta keluarga. Ia lebih *afdal* daripada ibadat sunat kerana ibadat sunat hanya untuk diri sendiri, manakala manfaat kerja adalah untuk diri sendiri dan juga orang lain. Kedua, *mustahab* iaitu apabila lebih rezeki digunakan untuk membantu fakir miskin. Ketiga, *mubah* apabila sesuatu kerja dilakukan sebagai penambahan untuk keselesaan dan menambah kesenangan. Keempat, makruh apabila bekerja hanya untuk menunjukkan kebanggaan, memperbanyakkan harta, dan sombong walaupun dengan cara yang halal (Solahuddin dan Che Zarrina, 2014: 139).

## 2.2 Pekerjaan Halal dan Haram Daripada Perspektif Islam

Syariat Islam mewajibkan muslim supaya mengusahakan punca kewangan dalam memenuhi keperluan hidup secara halal (al-Qaradawi, 1998: 208). Al-Qaradawi dalam bukunya *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* membincangkan secara eksplisit dengan tajuk khusus berkaitan halal dan haram dalam lapangan perkerjaan dan mata pencarian. Pekerjaan yang terlarang dalam Islam menurut al-Qaradawi (2016 (b): 168-177) ialah, pekerjaan yang merosakkan iaitu pekerjaan yang wujud unsur kezaliman dan merampas hak orang lain contohnya merampas (*ghasb*), mencuri, menipu, khianat, memanipulasikan ukuran dan timbangan, menyembunyikan barang, menjual barangan rosak, penjualan tanaman yang masih belum dituai, iklan palsu untuk melariskan perniagaan, dan memonopoli pembelian barang untuk keuntungan peribadi. Begitu juga, pekerjaan dan hasil daripada pekerjaan itu juga menjadi haram apabila memperoleh sesuatu yang tidak setimpal dengan kerja atau pengorbanan seperti riba, rasuah, perjudian, melacur, menyeludup, dan lain lain.

Al-Qaradawi(2016 (b): 168-177) juga menyentuh khusus tentang pekerjaan dalam sektor awam atau swasta seperti dalam bidang kepegawaian awam, pengkeranian, pengoperasian, dan apa sahaja bidang tugas yang diamanahkan majikan dan syaratnya, selagi pekerjaan tersebut tidak membawa bahaya kepada umat Islam. Menurut beliau lagi, seorang mukmin diharuskan menjadi penjawat awam atau swasta selagi mampu melaksanakan tugasnya dan dapat menunaikan kewajipan. Cuma dalam bidang kritikal, seseorang mukmin dilarang untuk mencalonkan dirinya terutama dalam bidang kehakiman. Begitu juga beliau menegaskan tentang perkhidmatan yang diharamkan antaranya perkhidmatan ketenteraan yang memerangai kaum muslimin, membuat senjata bertujuan memerangai kaum muslimin, bekerja dengan entiti yang bermusuhan dengan umat Islam, terlibat dengan pekerjaan yang zalim dan haram seperti institusi yang mengamalkan riba, tempat pembuatan arak, dan pusat hiburan.

Seterusnya, pekerjaan dan sumber yang haram turut terhasil daripada material yang haram, seperti arak (*khammr*), babi, patung, berhala, bejana yang diharamkan, anjing yang terlarang, dan yang dilarang dalam syariat. Akhir sekali, pekerjaan yang tidak dibenarkan dalam konteks akidah dan syariat syariat juga menghasilkan sumber yang haram, seperti upah perbomohan dan tukang ramal, mengambil upah meratapi mayat, pekerjaan di bar-bar yang menghidangkan arak, dan bekerja tempat-tempat perjudian (al-Kandahlawi (1994: 117-188 dan Zaharuddin 2010 : 80).

### 2.3 Konsep Pemakanan *Halalan Tayyiban*

Makanan yang dikategorikan halal tidak semestinya baik (Hamka, jilid 7, 2018: 28). Sehubungan dengan itu, ciri-ciri yang perlu ada dalam konsep makanan yang *halalan tayyiban* ini adalah;

Pertamanya: Makanan tersebut mestilah halal menurut syarak, bersih dari segi rupa, bau dan zatnya serta dipandang baik dan mulia oleh manusia.

Kedua: Bukan makanan yang dikategorikan haram dalam al-Quran, al-sunnah, ijmak ulama dan *qiyas*.

Ketiga: Mestilah haiwan yang enak dimakan dan disembelih dengan cara yang sah.

Keempat: sumber yang diperolehi daripada usaha yang halal seperti bekerja di sektor perkhidmatan awam, bertani, berniaga, berusaha dengan hasil titik peluh sendiri, dan bukan hasil curi (Nurdeng et. al, 2013: 35).

Kelima: Berkhasiat serta memberikan nutrisi yang baik untuk tubuh badan.

Keenam: Makanan yang masih segar, baru, dan berkualiti.

Ketujuh: Makanan tersebut mestilah sesuai dengan pemakannya (Khairudin, 2013: 61).

Kelapan: Makanan tersebut jauh dari unsur *syubhab*.

Akhirnya, ciri kesembilan: Dalam konteks mendepani arus kemodenan penghasilan pemakanan, prinsip *tayyiban* dalam Islam menghendaki makanan yang dihasilkan mestilah memenuhi standard-standard halal yang diwujudkan melalui undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan kerajaan Malaysia. Tujuannya adalah untuk menilai dan mengawal kualiti produk makanan supaya menepati aspek-aspek kebersihan, keselamatan, mempunyai kebaikan kesihatan, serta patuh syariah (Norazilawati, 2017: 182). Dalam hal yang sama, prinsip *tayyiban* apabila dikhusus pada makanan terutamanya pada zaman moden ini, haruslah merangkumi aspek keselamatan makanan (*food safety*), kebersihan makanan (*food hygiene*), dan kandungan zat dalam makanan (*food content*). Sekiranya makanan itu diproses di kilang, ia mestilah mencapai tahap piawaian yang tertinggi (*highest quality standard*) melalui kajian (*research*) yang telah dibuat dan kesan-kesan sampingan akibat daripada pengambilan produk makanan berkenaan (Mohd Farhan, 2019: 58-61).

### 2.4 Kepentingan Pendapatan Halal Dalam Tema Pemakanan *Halalan Tayyiban*

Pendapatan halal merupakan hasil usaha pekerjaan yang dibenarkan syariat Islam (surah al-Nisa', 4:29). Kepentingan pengambilan makanan dan minuman daripada sumber halal telah dijelaskan oleh al-Ghazali (1992) bahawa ia merupakan jambatan penghubung yang mendekatkan diri manusia dengan tuhan. Manfaat daripada pengamalan sumber yang halal pula disebut oleh al-Dhahabi (1990) bahawa ia membentuk kemurnian hati dan menghilangkan penyakit was-was dalam hati manusia.



Al-Qurtubi (2007: 480-483) menukilkan pandangan Sahal bin Abdillah bahawa terdapat tiga perkara yang wajar jika seseorang muslim ingin bebas dari neraka. Pertamanya memakan makanan yang halal. Keduanya melaksanakan kewajipan syarak, dan ketiganya mengikuti jejak Rasulullah SAW. Sahal melanjutkan lagi, seseorang tidak dapat memakan makanan yang halal jika tidak ada pengetahuan dan ilmu tentangnya. Sementara itu, Abu Abdillah al-Saji atau nama asalnya Sa'id bin Yazid (dalam al-Qurtubi, 2007: 482-483) pernah menegaskan bahawa terdapat lima perkara yang membuat ilmu seseorang itu sempurna. Pertamanya, mengenal Allah SWT, mengetahui kebenaran, ikhlas dalam melakukan sesuatu perbuatan, berusaha untuk mengamalkan sunnah Rasulullah SAW dan memakan makanan daripada sumber yang halal. Andai seseorang telah kehilangan satu perkara di atas, maka amalannya tidak akan diterima. Rentetan itu, sesuatu harta tidak dapat dianggap sebagai harta yang halal hingga telah bersih dari enam perkara iaitu, riba, wang haram, usaha yang haram, menipu, wang yang makruh, dan wang *syubhab* (Arieff dan Aemy Liza, 2014: 5). Kesimpulannya, pekerjaan yang menghasilkan pendapatan halal menjadi satu prioriti utama dalam perspektif dan epistemologi Islam (al-Haddad, 2015: 363).

## **2.5 Anugerah Keluarga Mithali (AKM) Peringkat Kebangsaan**

AKM adalah rentetan daripada penganjuran Anugerah Ibu Mithali (AIM) yang mula diperkenalkan pada tahun 2014 oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Pencalonan AKM adalah bersifat terbuka di mana borang pencalonan diedarkan melalui jabatan-jabatan kerajaan seperti majlis agama Islam, jabatan agama Islam negeri, jawatankuasa peringkat kariah, badan-badan bukan kerajaan (NGO), wakil-wakil rakyat, dan pihak swasta. AKM dianjurkan bertujuan memberi pengiktirafan kepada semua posisi personal dalam sebuah keluarga, bukan sahaja kepada ibu tetapi bapa dan anak-anak. Di samping itu, anugerah ini juga diwujudkan sebagai usaha untuk melahirkan keluarga contoh sebagai teladan atau *role model* kepada seluruh anggota masyarakat. Majlis penganugerahan AKM diadakan setiap dua tahun sekali (YADIM, 2019). Pemilihan dan pencerapan dibuat di lapangan oleh ahli jawatan kuasa penilai yang dilantik dengan melihat secara holistik kepada norma kehidupan, kemenjadian modal insan, pengamalan agama, sahsiah, serta kebaktian kepada masyarakat setempat di mana mereka tinggal (Noor Aziah, 2019, temu bual).

## **3.0 METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk metod teori beralas (*grounded theory*) bagi menerokai pengalaman penerima AKM mengamalkan pemakanan *halalan tayyiban*. Sebelum pengumpulan data daripada responden dibuat, pengkaji menemu bual Pengerusi Jawatankuasa Induk AKM serta dua orang pegawai YADIM untuk mendapatkan justifikasi dan gambaran holistik terhadap pemilihan dan ciri-ciri penerima AKM. Kemudian, pengkaji turun sendiri ke lapangan kajian dan menemu bual penerima-penerima AKM menggunakan teknik perbincangan kumpulan berfokus (*Focus Group Discussion (FGD)*). Teknik FGD ini memerlukan seorang fasilitator atau pemudah cara untuk menentukan hala tuju perbincangan tersebut dan dikelola oleh pengkaji (Ahmad Sunawari, 2006: 65). Dalam protokol temu bual FGD ini, penulis akan mengumpulkan beberapa individu dalam keluarga asas (*nuclear family*) yang terdiri daripada suami, isteri dan beberapa orang anak penerima AKM dalam satu sesi temu bual. Soalan temu bual adalah berbentuk separa struktur dan melibatkan ahli-ahli keluarga asas (*nuclear family*) penerima AKM.


Sehingga kini, terdapat dua keluarga yang telah terpilih sebagai penerima AKM iaitu, penerima AKM pertama tahun 2014 beramal di Nibong Tebal, dan ditandakan sebagai G1 dalam kajian

ini. Manakala penerima AKM kedua adalah pada tahun 2017 beralamat di Kuala Terengganu dan ditandakan sebagai G2. Temu bual dijalankan di kediaman masing-masing.

Data-data temu bual diubah ke bentuk transkrip dan dianalisis dengan perisian NUD\*IST (*Non numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing*) atau dikenali sebagai QSR NVivo versi 10. Perisian ini membantu pengkaji membuat pengkodan, penganalisan, dan menghasilkan dapatan kajian yang lebih jitu. Pembacaan transkrip temu bual dilakukan secara teliti dan berulang kali sebelum mencipta kod utama (tema utama) dan membina sub-sub tema berkaitan pemakanan dan pendapatan. Pengkaji juga menjanakan jadual matriks, seterusnya membuat interpretasi dan hubungkait berdasarkan dapatan daripada data. Akhir sekali, berdasarkan sub-sub tema yang mempunyai perkaitan khusus dengan tema pendapatan, pengkaji akan merumuskannya secara deduktif untuk mendapatkan satu dapatan khusus.

#### 4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil penelitian dan analisis daripada data temu bual, kajian ini dapat membina sebanyak tiga tema utama berorientasikan prinsip dan tujuh sub tema yang berkaitan pendapatan dan pemakanan yang diamalkan oleh penerima AKM. Pola dapatan ini dilabel sebagai Konsep Pemakanan Halalan Tayyiban Keluarga Mithali (KPHTKM) seperti yang visualkan dalam rajah 1 di bawah



Rajah 1 Konsep Pemakanan *Halalan Tayyiban* Keluarga Mithali (KPHTKM)

Berdasarkan KPHTKM yang dipaparkan di atas, satu set analisis jadual matriks dapat dijanakan dengan bantuan perisian NVIVO. Jadual 1 di bawah ini menjelaskan tentang kekerapan interpretasi responden berkaitan sub-sub tema yang membawa konotasi pendapatan yang halal:

Jadual 1 Sub-Sub Tema Berkaitan Pendapatan Halal

Sub-sub tema berkaitan pendapatan halal		G1	G2	Jumlah
1	Hasil pendapatan halal	20	23	43
2	Pekerjaan yang tidak melibatkan kekotoran dan najis	14	30	44
3	Integriti dan kesungguhan ketika bekerja	43	26	69
4	Sumber pendapatan yang tiada <i>syubhab</i>	46	30	76

#### 4.1 Perbincangan Dapatan Temu Bual

Menjelaskan mengenai sub tema hasil pendapatan halal, G1 menyatakan secara eksplisit tentang usaha halal yang dilakukannya untuk memperoleh sumber pendapatan yang diiktiraf halal dalam Islam. G1 menyebutkan “*Tok wan (bapa saya) ni, yang saya boleh ingat dia kerja sawah padi, lepas tu bertukang rumah, tapi yang pergi kelaut saya tak ingat*”. Daripada kenyataan tersebut, didapati G1 majoritinya banyak terlibat dengan kerja-kerja pertanian, dan menjadi buruh kampung yang mengambil upah daripada perkhidmatan yang diberikan. Responden G2 pula menyatakan, “*Awal-awal saya kerja dengan kerajaan, saya diberi tugas bahagian pertukangan JKR.*” Berdasarkan kenyataan ini, ternyata responden merupakan seorang pekerja dalam sektor perkhidmatan awam dan mendapat gaji bulanan sebagai sumber pendapatan. Rumusannya, daripada norma pekerjaan responden G1 dan G2, ternyata bahawa usaha dan pekerjaan yang diceburi tidak menyalahi syarak dan dihukumkan halal dalam Islam. Hal ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW yang menyatakan:

مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ  
السَّلَامُ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ

*Maksudnya: Tidaklah seorang (bamba) memakan makanan yang lebih baik dari hasil usaha tangannya (sendiri), dan sesungguhnya Nabi Daud AS makan dari hasil usaha tangannya (sendiri). (Hadis riwayat Bukhari, 2012: 2080, Jilid 3, dalam kitab al-buyu’, subbab kasbi al-rajuli wa ‘amalibi biyadihi)*

Mengusahakan pekerjaan yang tidak melibatkan unsur najis dan kekotoran merupakan amalan penerima AKM bagi memastikan hasil pendapatan mereka bersih dan suci. Perspektif Islam melihat, terdapat pendapatan yang halal tetapi dianggap kurang bersih umpamanya pendapatan yang berpunca daripada upah berbekam kerana pekerjaan tersebut melibatkan darah kotor dan berunsur najis (Mohammad Amir, 2015: 129). Hal ini bersandarkan daripada sebuah hadis Nabi SAW:



إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ تَمَنِ الدَّمِّ وَتَمَنِ الكَلْبِ

“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah melarang dari harga darah (hasil upah bekam) dan harga (hasil jualan) anjing” (al-Bukhari, 2002: 2084).

Daripada hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa hasil upah bekam adalah makruh berdasarkan pandangan majoriti sahabat Nabi SAW dan ulama (Amiruddin Mohd Sobali et. al, 2018 :29 dan al-Banjari, (t.t): 261). Justeru, bagi memastikan pekerjaan yang bersih, G1 melakukan kerja-kerja dalam bidang pertanian dan memberikan perkhidmatan dan upah sebagai buruh kampung. Manakala G2 pula memilih pekerjaan sebagai seorang penjawat awam.

Dalam pada itu, sub tema berkenaan integriti dan kesungguhan ketika bekerja adalah menjadi amalan penerima AKM bagi menjamin pendapatan yang halal dan berkat. G1 menyatakan, “whenly (bapa) buat bendang, dia akan make sure that the bendang tu hasilnya banyak. So, kalau ada rumput masin atau kena rumput bendang, ada panjang-panjang macam tu kan, kami kena pi kutip dengan tangan. Yang belalang-belalang makan surface daun, kami kena ambil. Tok wan make sure kami bekerja betul. Dia tak bagi main.” G2 pula menyebutkan, “Kita perlu tunjuk yang kita ni betul bersungguh-sungguh buat kerja. Jadi, kita tepati masa, kalau kena kerja, kerja betul-betul. Yang kedua, bila kita buat kerja tu, kita kena buat kerja bersungguh-sungguh. Kita kena ikut peraturan.” Rumusannya, sifat amanah, jujur, kesungguhan, dan budaya kompetensi dalam pekerjaan menjadi amalan dalam prinsip bekerja G1 dan G2 untuk memastikan keberkatan dan impak yang terbaik. Hal ini setara dengan pandangan Islam yang menjelaskan bahawa rezeki yang diperoleh dengan cara yang tidak amanah seperti menipu, mengkhianati perjanjian dan tugas hakiki, atau culas adalah antara perkara yang boleh menghilangkan keberkatan dalam rezeki (Muhamad Zuhaili, 2014: 96-107). Perkara ini pernah diterangkan oleh Rasulullah SAW melalui hadis baginda:

إِنَّ هَذَا الْمَالَ خَضِرَةٌ حُلْوَةٌ فَمَنْ أَخَذَهُ بِسَخَاوَةِ نَفْسٍ بُورِكَ لَهُ فِيهِ وَمَنْ أَخَذَهُ بِإِشْرَافٍ نَفْسٌ لَمْ يُبَارَكْ لَهُ فِيهِ كَالَّذِي يَأْكُلُ وَلَا يَشْبَعُ الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى

Maksudnya: Sesungguhnya harta ini hijau dan manis (amat indah dan menarik perhatian manusia). Maka sesiapa yang mengambilnya dengan jiwa yang lapang, diberkati, layaklah baginya harta itu. Sesiapa yang mengambilnya dengan jiwa yang sesak, tidak diberkati baginya harta itu sebagaimana orang yang makan namun tidak kenyang. (Ketabuilah) tangan di atas (yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan di bawah (yang memintaminta). (Riwayat Bukhari, 2014:1/1047, jilid 3, dalam kitab *al-zakat*, bab *al-bayan anna al-yadu al-'ulya khairun mina al-yadu al-sufli*. Diriwayatkan juga oleh Muslim dan Nasai dalam kitab *al-zakat*)

Orang yang lapang jiwanya dalam hadis tersebut adalah mereka yang menyantuni usaha mencari nafkah dengan jalan yang disyariatkan. Oleh itu, hartanya senantiasa diiring dengan kebaikan, keutamaan, dan nikmat yang berkekalan lagi bertambah-tambah kerana diberkati Allah SWT (Hafiz Firdaus, 2008: 25-26).

Berkaitan sub tema pendapatan yang tiada *syubbah*, G1 dan G2 dilihat amat menjaga ketelusan dan menjauhi unsur *syubbah* dalam pendapatan dan pekerjaan. G1 sebagai seorang guru besar di sekolah menyatakan, “*Kalau kerja dengan kerajaan pun, kalau cuti, you (kena) ganti lab. You buat kelas kemudian. Contoh, macam kita banyak MC kan. Tok wan (bapa saya) ajar macam mana nak buat. So, Give back to the school. Sedekah balik ke sekolah. Jadi hati kita pun tenang.*” Daripada penjelasan G1, responden telah menunjukkan sikap yang dapat menyelamatkan diri daripada mengambil dan menggunakan pendapatan yang tidak menggambarkan ketelusan dalam pekerjaan. G2 pula ada menyebut, “*Kalau majikan bagi kerja contohnya tiga hari atau pun seminggu Insyaa-Allah dah boleh siap sebab benda tu dia beri masa dah cukup. Tapi jadi tak cukup kenapa? Kita tak buat kerja. Kita Ponteng.*” Daripada penjelasan G2 ternyata amanah yang diberikan majikan untuk melaksanakan kerja perlu dilunaskan sebaiknya untuk memastikan pendapatan yang terjamin halal, berkat, dan terhindar daripada unsur *syubbah*. Hal ini setara dengan apa yang dimaksudkan oleh al-Ghazali berkaitan *syubbah* dan sikap yang perlu diambil sebagai seorang muslim sejati. *Syubbah* menurut al-Ghazali (1998: 42) ialah samar atau kurang jelas. Maksudnya ialah, setiap perkara atau persoalan yang tidak begitu jelas antara halal dan haramnya bagi manusia. Hal ini boleh terjadi mungkin kerana tidak jelasnya dalil dan mungkin kerana tidak jelasnya metod untuk menerapkan dalil yang ada terhadap sesuatu fenomena. Justeru, Islam memberikan garis panduan untuk menghadapi perkara ini iaitu bersikap warak.

Hasil daripada dapatan dan perbincangan di atas, pendekatan bersifat deduktif dan ambilan secara kolektif membolehkan kajian ini membina sebuah model yang dilabel sebagai Konsep Pendapatan Halal Keluarga Mithali (KPNHKM) seperti yang dipaparkan dalam rajah 2 di bawah:



Rajah 2 Konsep Pendapatan Halal Keluarga Mithali (KPNHKM)

## 5.0 PENUTUP

Hasil kajian ini berjaya membina empat sub tema yang menyatakan tentang amalan pendapatan penerima AKM yang mana menjadi prioriti untuk melengkapkan KPHT. Malahan, ia mempunyai perkaitan yang sangat kuat dan signifikan. Tuntasnya, pekerjaan yang halal, sikap berintegriti, norma pekerjaan yang bersih, serta menjauhi unsur *syubbah* dalam pekerjaan dapat memberikan keberkatan dalam pendapatan serta mempengaruhi tema pemakanan *halalan tayyiban*. Hasilnya, sebuah keluarga berkualiti dan cemerlang dari sudut duniawi dan ukhrawi dapat bentuk.

## Rujukan

- Abi Abdullah Muhammad bin Yazid bin Ibnu Majah. (2014). *al-Sunan Li Abi Abdullah Muhammad bin Yazid bin Ibnu Majah*. Jld 1-4. Qaherah, Mesir: Dar al-Tasil, al-Buhus wa al-Taqniah al-ma'lumat.
- Aemy Liza Binti Minhat. (2014). *Hubungan Makanan Dan Pemakanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak*. Tesis Sarjana. Skudai: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Muhammad Assaf. (1993). *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Judul asal *الحلال و الحرام في الإسلام*. Terjemahan: Yunus Ali Al-Muhdhor dan Umar Faruq. Semarang, Indonesia: C V. Asy Syifa
- Alan Berg & Sayogyo. (1986). *Peranan Gizi Dalam Pembangunan Nasional*. Jakarta: CV Rajawali.
- Alias Azhar, Harlida Abdul Wahab, Nurretina Ahmad Shariff & Muhammad Hafiz Badarulzaman. (2013). *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*. Bab 2. Universiti Putra Malaysia: Institut Penyedikan Produk Halal.
- Amina Haji Noor. (2009). *Tekanan Darab Tinggi Dan Pemakanan Sibah*, Kuala Lumpur, Malaysia: Al-Hidayah Publication.
- Amiruddin Mohd Sobali; Ahmad Sanusi Azmi; Mohd Yusuf Ismail; Zuhlilmi Mohamed Nor. (2018). Upah Bekam Dan Kadarnya: Tinjauan Daripada Perspektif Hadis. *Journal of Hadith Studies*.3(2). (December 2018), 28-30. e-ISSN: 2550-1448.
- Asiah Shafie, Mohd Arif Nazri, dan Haziyah Hussin(2019). *Makanan Halal Menurut Perspektif Islam dan Kepentingan Pelabelan*. Jurnal; BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 2(3), 070-084, e-ISSN: 2600-9080.
- Arief Sallah Rosman & Aemy Liza. (2014). *Konsep Halal Dan Toyyib Menurut Al-Quran: Kajian Tematik terhadap Kitab Tafsir At-Tobari dan Al-Qurtubi*. Diakses di: [https://www.academia.edu/10014356/Konsep\\_Halal\\_Dan\\_Toyyib\\_Menurut\\_Al-Quran\\_Kajian\\_Tematik\\_terhadap\\_Kitab\\_Tafsir\\_At-Tobari\\_dan\\_Al-Qurtubi](https://www.academia.edu/10014356/Konsep_Halal_Dan_Toyyib_Menurut_Al-Quran_Kajian_Tematik_terhadap_Kitab_Tafsir_At-Tobari_dan_Al-Qurtubi). Tarikh akses: 6 Disember 2019
- Azizan Ramli, Mazlin Mokhtar, Tuan Sidek Tuan Muda & Badhrulhisham Abdul Aziz. (2016). Pembangunan Industri Halal: Konsep Halalan-Tayyiban dan Pengurusan Keselamatan Industri dalam Kerangka Maqasid al-Shariah. *Ulum Islamiyyah Journal, Universiti Sains Islam Malaysia*, 18, 91-114. ISSN 1675 – 5936.
- al-Banjari, Muhammad Arsyad, (t.t). *Sabihu al- Muhtadin*. Georgetown: Percetakan al-Mu'arif.
- al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim. (2012). *Sobeh Bukhari: Wahuwa al-Jami al-Musnad al-Sobeh*. Jilid 1-10. Qaherah, Mesir: Dar al-Tasil, Markaz al-Buhus wa al-Taqniah al-ma'lumat.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2002). *al-Jami' al-Sobih*. Beirut: Dar Tuq al-Najah.
- al-Dhahabi. (1990). *al-Tibb al-Nabawi (3 ed.)*. Beirut: Dar Ihya' al-' Ulum.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1998). *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Susunan: Abdullah Thaib. Kuala Lumpur, Malaysia: Jasmin Enterprise.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1992). *Ihya' Ulumuddin Atau Mengembangkan Ilmu Agama*. Jilid 2. Terjemahan: Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Al-Haddad, Abdullah. (2015). *Nasihat Agama Wasiat Iman Edisi Terbaharu*. Judul asal: *An-Nasha'ib Ad-Diniyah Wal-Washa'iyah Al-Imaniyah*, ter: Syed Ahmad Semait. Kuala Lumpur: Pustaka Islamiyah.
- al-Kandahlawi, Muhammad Zakariyya. (1994). *Kelebihan Perniagaan Islam Dan Pencarian Nafkah Hidup Dalam Islam*. Terjemahan: Muhammad Abdul Latip. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- al-Muslim, Abi Husain Muslim bin Al-Hujjaj al-Qushari al-Nisaburi. (2014). *Sobeh Muslim: Wahuwa al-Jami al-Musnad al-Sobeh*. Jilid 1-8. Qaherah, Mesir: Dar al-Tasil, Markaz al-Buhus wa al-Taqniah al-Ma'lumat.

- al-Nasai, Abi Abdul Rahman Ahmad bin Shuib. (2012). *Kitab al-Sunan al-Ma'ruf Bin al-Sunan al-Kubra*. Jilid 1-2. Qaherah, Mesir: Dar al-Tasil, al-Buhus wa al-Taqniah al-Ma'lumat.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1998). *Peranan Nilai dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam*. Terjemahan: Mufti Labib dan Asril Ibrahim. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- al-Qaradawi, Yusuf. 2016 (a), *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Cetakan ketujuh. Terjemahan: Zulkufli al-Bakri. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi.
- al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin Ad-Dimasqi. (2006). *Intipati Ihya' Ulumuddin, Pengajaran Bagi Orang-orang Mukmin Imam Ghazali*. Terjemahan: Panel penterjemah Darul Fajr. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2016 (b), *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Cetakan pertama. Terjemahan: PTS Publishing House SDN BHD. Selangor, Batu Caves: PTS Publishing House SDN BHD.
- Al-Qurthubi, Syaikh Imam Al Qurthubi. (2007). *Al Jami' li Abkaam Al Qur'an Tafsir Al Qurthubi*. Penterjemah: Fathurrahman, Ahmad Hotib; Editor, Mukhlis B. Mukti. Jakarta: Pustaka Azzam. 2, 480-483.
- Belfield Clive R. & Levin Henry M.. (2007). *The Price We Pay: Economic and Social Consequences of Inadequate Education*. Washington D.C: Brooking Institution.
- Duncan Greg J., Brooks-Gunn Jeanne.. (1997). *Consequences of Growing Up Poor*. New York: Russell Sage Foundation.
- Hafiz Firdaus Abdullah. (2008). *Fiqh Harta: Satu Pengenalan*, Johor Bahru, Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa.
- Halalan Tayyiban Perspektif Malaysia*. (2013) Penyunting: Nurdeng Deuraseh, Russly Abdul Rahman & et. al, Selangor: Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.
- Hamka. (2018). *Tafsir Al-Azhar*. Juzuk 7. Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Baru*. (1989). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairudin Shaary. (2013). *Halalan Thayyiban: Amalan Rukhsab dalam Pemakanan*. Damansara, Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2011). *Laporan 'Kajian Indeks kesejahteraan Keluarga Malaysia'*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Muhamad Zuhaili Saiman. (2014). *Kewangan Harian Kita, Halal @ Haram?*. Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangkrak SDN BHD.
- Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2002, Oktober, 8). Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 8, 63-70. ISSN 1394-1801.
- Mohammad Amir Wan Harun. (2015). *Pembinaan Model Pelan Pemakanan Berdasarkan Prinsip Halal dan Tayyiba*. Tesis doktor falsafah. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Farhan Bin Md Ariffin. 2019. *Isu Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Al-Hadith: Analisis Terhadap Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Lembah Klang*. Tesis doktor falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Norazilawati Md Dahlal. (2017). *Konsep Pengurusan Kualiti Makanan Halalan Tayyiban*. Tesis doktor falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Noor Aziah. (2019). *Temu bual*, Institut Islam Hadhari. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Radhiah Omar dan M. Shahrim Ab. Karim. (2013). *Halalan Thayyiban Perspektif Malaysia*. Nurdeng Deuraseh dan et. al (penyunting). Serdang: Institut Penyelidikan Produk Halal: Universiti Putra Malaysia.

- Solahuddin Abdul Hamid dan Che Zarrina Sa'ari. (2014). Tuntutan Bekerja Dan Kehidupan Beragama Berdasarkan Perspektif Islam. *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah*, 6, 131-153. ISSN: 2225-4609. Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.
- United Nations Childrens' (UNICEF) Fund, Malaysia. (2018). *Kanak-kanak Pinggiran: Satu kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian bak kanak-kanak bandar di rumah pangsa di Kuala Lumpur* atau *Laporan Kemiskinan Kanak-kanak Bandar*. Putrajaya, Malaysia: United Nations Childrens' Fund, Menara PJH. Diakses di: [www.unicef.org/malaysia](http://www.unicef.org/malaysia). Tarikh akses: 11 September 2019
- YADIM. (2019). Dimuat turun di: <http://www.yadim.com.my/v2/anugerah-keluarga-mithali>, pada 3 Disember 2019.
- Zaharudin Muhammad. (2010). Hukum Bermuamalat Dengan Sumber Yang Haram. *Jurnal Muamalat*, 3, 77-112. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Diakses di: [http://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/4\\_sumber\\_yang\\_haram.pdf](http://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/4_sumber_yang_haram.pdf). Tarikh akses: 2 Disember 2019
- Zurairi. (2017). *Muslim Lebih sensitif Makanan Halal Berbanding Pendapatan Halal*. Diakses di: <https://www.projekmm.com/news/berita/2017/04/19/muslim-lebih-sensitif-makanan-halal-berbanding-pendapatan-halal/1359575>. Dipetik pada 3 Disember 2019.
- Zulkifli al-Bakri. (2016, November, 6). *Tuntutan Kerja Halal*. Diakses pada 19 Oktober 2019, di: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1315-al-kafi-432-tuntutan-kerja-halal>, diterbitkan: 2016.